

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A [60 markah]

Jawab SEMUA soalan.

1. [ a ] Metodologi ilmu ekonomi klasik dikritik kerana penekanannya kepada aspek-aspek berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_


(5 markah)

[ b ] Pandangan metodologi tradisional tentang manusia bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ c ] Lengkapkan Rajah 1 berikut tentang syarat mencapai al-falah.



Rajah 1

(5 markah)

...3/-

[ d ] Jelaskan secara ringkas konsep-konsep berikut dalam ekonomi Islam:

i. Asas keimanan:

ii. Ihsan:

iii. Peranan akhirat:

(3 markah)

[ e ] Apakah 5 kriteria tradisional yang digunakan bagi menentukan sistem ekonomi?

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

iv. \_\_\_\_\_

v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

...4/-

[ f ] Nyatakan 5 keperluan Syari'at tentang modal dalam dalam kontrak *mudarabah*:

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

iv. \_\_\_\_\_

v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ g ] Tiga syarat untuk menjadikan *mudarabah* itu sah:

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

[ h ] Takrifan unsur-unsur asas rasioanliti Islam berikut menurut Monzer Kahf:

i. Konsep kekayaan:


ii. Konsep barangan:

iii. Konsep kejayaan

(4 markah)

...5/-

[ i ] Lengkapkan rajah skema berikut tentang jenis-jenis *bai'* dalam Islam.



Rajah 2

(6 markah)

[ j ] Pandangan ekonomi Islam tentang permintaan pasaran:

i. permintaan berkesan:

---



---

ii. pengagihan pendapatan:

---



---

(4 markah)

[ k ] Merujuk kepada harga pasaran, dalam pendekatan Islam, 3 persoalan penting yang mesti diketahui berkait dengan kepentingan pihak pengguna adalah:

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

(5 markah)

...6/-

[ l ] Senaraikan 5 daripada tujuan-tujuan zakat dalam Islam:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ m ] Menurut Umer Chapra, perbelanjaan awam Islam mestilah menumpukan kepada 6 aspek pembangunan material seperti berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_
- vi. \_\_\_\_\_

(6 markah)

...7/-

## BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. (a) Adakah pada pandangan anda ekonomi Islam memerlukan satu takrifannya yang tersendiri? Bagaimanakah agaknya takrifan ekonomi Islam yang sesuai untuk dipakai bagi masyarakat Islam? Bincangkan.
- (7 markah)
- (b) Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan metodologi yang berteraskan al-Qur'an dan Sunnah? Apakah perbezaannya dengan metodologi ekonomi yang konvensional? Jelaskan secara ringkas.
- (7 markah)
- (c) Terangkan bagaimana Dr. Halim Ismail mengklasifikasikan sistem ekonomi Islam itu mengikut sektor-sektor tertentu. Terangkan fungsi ekonomi dan fungsi syariah yang bersesuaian untuk sektor-sektor berkenaan.
- (6 markah)
3. (a) Dalam ekonomi Islam, permintaan pasaran semata-mata tidak boleh diharap dapat menyelesaikan keperluan masyarakat dengan seadilnya. Bincangkan kelemahan yang terdapat dalam permintaan pasaran itu dan cadangkan cara penyelesaian yang lebih adil menurut perspektif Islam.
- (7 markah)
- (b) Keseimbangan firma Islam tidak menekankan dengan keterlaluan kepada pemaksimuman keuntungan. Jika demikian, apakah konsep-konsep yang boleh digunakan sebagai panduan kepada firma Islam untuk mencapai keseimbangan? Bincangkan dengan menggunakan model-model keseimbangan firma yang bersesuaian dengan sokongan rajah-rajah.
- (7 markah)
- (c) Jelaskan secara ringkas apa akan terjadi kepada penawaran pasaran apabila konsep penawaran berasaskan kapasiti pengeluaran potensi diperkenalkan dalam teori pasaran Islam.

(6 markah)

...8/-

4. (a) Apakah yang membezakan di antara konsep *maslahah* dalam ekonomi Islam dan konsep utiliti dalam teori ekonomi konvensional? Bagaimanakah konsep kemahuan berbeza daripada konsep keperluan? Pada pandangan anda yang manakah lebih memberi kesan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan hidup manusia?  
(7 markah)
- (b) Apabila kita membincangkan tentang perbelanjaan awam menurut perspektif Islam kita tidak dapat menyetepikan soal keadilan pengagihan. Terangkan konsep keadilan pengagihan ini mengikut kehendak Islam. Bincangkan juga konsep keutamaan dalam perbelanjaan yang disebut sebagai *maqasid al-syariah* menurut Syatibi.  
(7 markah)
- (c) Bincangkan prinsip-prinsip perbelanjaan awam yang dikemukakan oleh Umer Chapra. Bincangkan juga punca-punca yang menyebabkan perbelanjaan awam menjadi tidak cekap menurut perspektif Islam.  
(6 markah)

- oooOooo -